

TEKS UCAPAN

**YB DATUK WIRA DR MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**PROGRAM BUAL BICARA AHLI SURUHANJAYA
BERSAMA WARGA PENDIDIKAN BAHAGIAN MIRI
DAN
MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN
KEPADA Pengerusi Lembaga Temu Duga SPP
NEGERI SARAWAK**

**PADA
22 APRIL 2019 (ISNIN)
2.00 PETANG**

BERTEMPAT DI

**DEWAN KULIAH UTAMA
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN, MIRI**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang dihormati Barisan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Haji Mastapa Bin Haji Julaihi
Residen Bahagian Miri

Yang Berusaha Dr. Haji Azhar bin Ahmad
Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak

Dif-dif Kehormat, Pegawai-pegawai Suruhanjaya, Tuan-Tuan
dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadirat Ilahi atas limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul di Program Bual Bicara dan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Kepada Pengerusi Lembaga Temu Duga SPP Negeri Sarawak pada hari ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) yang menjemput saya menghadiri program Bersepadu SPP Bilangan 2 Tahun 2019 dan seterusnya merasmikan program pada petang ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan khususnya kepada Pegawai-Pegawai SPP, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri dan Pejabat Pendidikan Miri yang telah bertungkus lumus mengaturkan segala persiapan bagi memastikan majlis pada hari ini berlangsung dengan jayanya.

2. Saya telah dimaklumkan bahawa program pada petang ini adalah merupakan sebahagian daripada pengisian Program Bersepadu SPP yang bermula 21 April 2019 sehingga 24 April 2019. Program-program lain yang turut

diadakan adalah Program Karnival Kerjaya SPP, Program Konsultasi Perkhidmatan dan Tatatertib, Mesyuarat Suruhanjaya Kali Ke-1090 dan Program Turun Padang (TUPA) SPP ke Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Permaisuri, Miri Sarawak. Untuk makluman, sebentar tadi saya telah merasmikan Program Karnival Kerjaya SPP yang sedang berlangsung di Ruang Foyer ILP, Miri dan berpeluang melawat 'booth' pameran yang terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), JobsMalaysia, Kementerian Luar Negeri (KLN) Pejabat Wilayah Sarawak dan ILP sendiri. Program kali ini merupakan edisi kedua selepas kejayaan penganjuran Program Bersepadu SPP Bilangan 1/2019 di Alor Setar, Kedah pada 25 hingga 28 Februari 2019.

YBhg. Tan Sri/Datuk-Datuk/Tuan-Tuan dan Puan-Puan

3. Program Bual Bicara ini merupakan satu inisiatif oleh SPP bagi membolehkan Ahli Suruhanjaya dan Urus Setia berkongsi pengalaman, pandangan dan pemerhatian sepanjang menjalankan fungsi-fungsi Suruhanjaya iaitu melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap dan berpencen, menaikkan pangkat, menukar

pelantikan/perkhidmatan dan menjalankan kawalan tatatertib. Fungsi-fungsi Suruhanjaya yang telah saya sebut tadi adalah termaktub dalam Perkara 144(1)(A) Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, saya yakin Ahli Panel dan Moderator yang dipilih nanti mampu berbincang dan mengulas tajuk Program Bual Bicara kali ini iaitu “Urusan Perkhidmatan Dan Disiplin #Peranan Ketua Jabatan”. Pada pandangan saya, tajuk ini sangat sesuai dengan tuan-tuan dan puan-puan yang hadir di auditorium ini yang terdiri daripada Pengarah, Pengetua, Guru Besar dan Guru-Guru Kanan selaku Ketua di Jabatan masing-masing.

4. Pada pandangan saya tajuk yang dipilih bagi Program Bual Bicara pada petang ini sangat relevan kerana kerap kali isu-isu disiplin pegawai Kerajaan dipaparkan dipelbagai platform media termasuk yang ditularkan di media sosial yang boleh menjejaskan imej dan reputasi perkhidmatan awam. Isu-isu ini berlaku adalah disebabkan sikap pegawai yang tidak mengendahkan peraturan-peraturan ditetapkan oleh Kerajaan di samping pemantauan yang lemah oleh Ketua-Ketua Jabatan. Saya yakin melalui program ini tuan-tuan dan puan-puan akan mendapat panduan dan seterusnya meningkatkan pemahaman dalam menyelia

pegawai-pegawai di Jabatan masing-masing supaya mematuhi peraturan-peraturan sedia ada.

5. Selain daripada isu-isu disiplin, topik bual bicara petang ini juga akan menyentuh urusan perkhidmatan pegawai Kerajaan yang perlu dilaksanakan secara teratur bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan pegawai lancar seterusnya menikmati faedah persaraan di akhir perkhidmatan masing-masing. Sebagai contoh pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan tetapi telah dinaikkan pangkat akan berdepan dengan risiko pembatalan kenaikan pangkat yang telah diluluskan. Sehubungan itu, saya ingin mengambil peluang ini menasihatkan Ketua Jabatan untuk sentiasa menyemak pekeliling-pekeliling dan peraturan-peraturan sedia ada dan terkini yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan SPP dari semasa ke semasa. Ini bagi mengelakkan Ketua Jabatan melakukan sebarang kesilapan kerana kesilapan-kesilapan inilah yang boleh mengakibatkan tindakan tatatertib malah surcaj boleh dikenakan terhadap Ketua Jabatan yang melaksanakan urusan-urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan. Seiring dengan topik bual bicara yang akan dibincangkan, saya dimaklumkan SPP juga

mengadakan sesi konsultasi perkhidmatan dan tatatertib sejak dari pagi bertempat di Bilik CESS ILP, Miri.

YBhg. Tan Sri/Datuk-Datuk/Tuan-Tuan dan Puan-Puan

6. Saya dimaklumkan bahawa pada sebelah pagi telah berlangsung sesi taklimat dan perkongsian pengalaman antara Ahli Suruhanjaya bersama Panel Pengerusi Lembaga Temu Duga Negeri Sarawak yang akan menerima watikah pelantikan sebentar lagi. Pelantikan Pengerusi Lembaga Temu Duga ini adalah terdiri daripada kalangan anak kelahiran Negeri Sarawak yang dasarnya telah diputuskan oleh Kerajaan melalui cadangan pemberian 'empowerment' kepada Negeri Sabah dan Sarawak. Antara cadangan lain yang telah dipersetujui ialah memastikan 90 peratus guru yang mengajar di kedua-dua negeri ini adalah terdiri daripada anak kelahiran tempatan. Kerajaan baru-baru ini telah melanjutkan tempoh bagi mencapai sasaran 90 peratus dari tahun 2018 kepada tahun 2021. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Temu Duga bagi tempoh 1 Mei 2019 sehingga 30 April 2020.

7. Penglibatan tuan-tuan dan puan-puan sebagai Pengerusi Lembaga Temu Duga (LTD) adalah bertujuan untuk membantu dan melancarkan proses temu duga yang dilaksanakan oleh SPP bagi mendapatkan calon terbaik untuk berkhidmat di Negeri Sarawak. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang selama ini banyak membantu SPP membekalkan pegawai terbaik bagi menjadi Pengerusi Lembaga Temu Duga (LTD) dalam sesi temu duga yang dilaksanakan.

YBhg. Tan Sri/Datuk-Datuk/Tuan-Tuan dan Puan-Puan

8. Sepanjang tahun 2018, seramai **XXX** orang calon telah dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Anggota Kumpulan Pelaksana di negeri Sarawak. Jumlah ini berkurangan berbanding dengan calon yang dilantik pada 2017 disebabkan pembekuan sementara urusan pengambilan oleh Kerajaan. Saya dimaklumkan pada tahun ini (2019) bilangan calon yang akan dilantik akan meningkat berikutan kelulusan pengisian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang baru diterima sebanyak **XXX** melibatkan

jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi dan Anggota Kumpulan Pelaksana.

9. Akhir kata syabas diucapkan kepada SPP kerana berjaya menganjurkan Program Bual Bicara dan Majlis Penyampaian Watikah kepada Pengerusi Lembaga Temu Duga Negeri Sarawak pada petang ini. Semoga hubungan kukuh yang terjalin di antara SPP dan warga pendidik Negeri Sarawak ini terus berkekalan dengan erat demi memantapkan perkhidmatan pendidikan agar kekal relevan seiring dengan perkembangan semasa.

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al-Mubarak yang akan disambut, Insyallah pada 6 Mei 2019 kelak kepada semua hadirin yang beragama Islam. Saya, dengan lafaz Bismilahirrahmanirahim dan penuh rasa besar hati dengan ini merasmikan Program Bual Bicara dan Majlis Penyampaian Watikah kepada Pengerusi Lembaga Temu Duga Negeri Sarawak.

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah,
Wassalamualaikum WarahmatullahiWabarakatuh